

# **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. DATO' ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PADA  
SEMINAR PEMBANGUNAN  
PERNIAGAAN KOPERASI RUKUN  
TETANGGA**

**24 MAC 2018 (SABTU)**

**11.00 PAGI**

**HOTEL LANGKASUKA, LANGKAWI**

---

Bismilahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Sejahtera,  
Salam 1Koperasi dan Salam  
NegaraKu Malaysia

Yang Dihormati Pengacara Majlis

# **(SALUTASI DILETAKKAN DI ATAS ROSTRUM SEMASA HARI KEJADIAN)**

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Wakil-Wakil Koperasi, Tuan-Tuan, Puan-Puan, Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian.

1. Marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-NYA, dapat kita bersama-sama menjayakan Majlis Penutup Seminar Pembangunan Perniagaan Rukun Tetangga ini.

2. Alhamdulillah...pada petang ini kita sangat bertuah menerima kehadiran YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama isteri YBhg. Puan Sri Datin Seri Panglima Melinda Mak Soak Fong ke majlis ini. Terima Kasih YB

Tan Sri dan YBhg. Datin Seri kerana sudi melapangkan masa bersama-sama kita walaupun sibuk dengan pelbagai urusan rasmi. Satu tepukan gemuruh untuk YB Tan Sri dan isteri.

3. Dalam kesempatan ini juga, saya mengalu-alukan kehadiran dif-dif jemputan kehormat dan terima kasih kepada wakil-wakil koperasi yang menyertai seminar dua hari ini. Untuk makluman YB Tan Sri, peserta-peserta seminar ini terdiri daripada wakil-wakil



Koperasi Rukun Tetangga seluruh Malaysia yang dihimpunkan khusus untuk tujuan pembangunan perniagaan koperasi.

4. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNN) yang telah memberi sokongan dan kerjasama padu menjayakan seminar ini. Saya mohon kerjasama strategik ini diteruskan dalam menjayakan penubuhan

koperasi dalam lebih 7,000 rukun tetangga di negara ini.

5. ANGKASA melihat kerjasama dengan Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan amat berkesan dalam menjayakan agenda pembangunan komuniti

melalui koperasi. Misalnya ANGKASA telah bekerjasama dengan JAKOA (Jabatan Kemajuan Orang Asli) dalam meningkatkan taraf hidup orang asli. Februari lalu, kami telah berjaya menganjurkan Konvensyen Orang Asli di Klang

yang mendapat sambutan menggalakkan.

6. InsyaALLAH, ANGKASA juga dalam perancangan untuk menganjurkan Konvensyen Koperasi Tentera dan Koperasi Kaum India dalam masa terdekat.

7. Dalam agenda pembangunan, ANGGKASA memfokuskan untuk memperkasakan koperasi komuniti seperti – koperasi sekolah, koperasi wanita, koperasi kariah masjid, KOBERA, Orang Asli, Rukun Tetangga/Taman Perumahan,

belia dan sebagainya. Oleh sebab itulah, ANGKASA mengambil pendekatan mewujudkan Bahagian Pembangunan Komuniti bagi menjayakan hasrat ini.

8. Ini merupakan tanggungjawab ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi dalam memastikan koperasi menjadi wadah berkesan meningkatkan ekonomi dan taraf hidup komuniti di Malaysia, seterusnya koperasi diterima



sebagai cara hidup dalam masyarakat kita.

Tan Sri, Datin Sri, Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-  
Puan Yang Dihormati Sekalian

9. Pada hari ini, kita melihat pertumbuhan memberangsangkan koperasi komuniti di negara kita, misalnya saya berbangga berkongsi kejayaan koperasi sekolah yang menjadi model terbaik koperasi dunia. Setakat Jun 2017, kita ada

2,388 koperasi sekolah yang menyumbang perolehan lebih RM264 juta (RM264,324,915).

10. Koperasi kariah masjid juga menunjukkan peningkatan membanggakan. Sehingga Jun 2017, bilangan koperasi ini

berjumlah 401 buah dengan keahlian 26,889 orang menyumbang perolehan lebih RM 6 juta (RM6,404,645 juta) berbanding 2014 yang berjumlah 286 buah.

11. Paling ketara peningkatan yang ditunjukkan Koperasi Rukun Tetangga/Taman Perumahan yang meningkat 93.84 % dari tahun 2014 (56 buah koperasi) berbanding Jun 2017 (910 buah koperasi). Peningkatan ditunjukkan juga dalam bilangan

keanggotaan yang berjumlah lebih 83,000 orang (83,517 orang); dengan syer/yuran mencecah RM20 juta (RM19,901,726); aset lebih RM340 juta (RM340,636,268 juta); dan perolehan lebih RM139 juta (RM139,773,437 juta).

12. Bagi merencanakan lagi aktiviti perniagaan, koperasi-koperasi komuniti diberi bimbingan, sokongan dalam membangunkan perniagaan koperasi menerusi bengkel-bengkel perniagaan seperti ini. Bagi koperasi yang ingin

mendapatkan latihan dan bengkel keusahawanan lebih mendalam boleh berhubung dengan Bahagian Keusahawanan dan Peruncitan.

13. Untuk makluman ANGKASA ada 8 Sektor yang



dibangunkan khusus untuk  
memberikan perkhidmatan  
kepada koperasi mengikut  
bidang/aktiviti dijalankan.  
Misalnya, sekiranya koperasi rukun  
tetangga menjalankan aktiviti  
pertanian, mereka boleh  
mendapat perkhidmatan

ditawarkan sektor/Bahagian  
Perladangan, Industri Pertanian  
dan Asas Tani.

14. Mengakhiri ucapan, saya  
sekali lagi mengucapkan terima  
kasih kepada YB Tan Sri Datuk Seri  
Panglima Joseph Kurup, dan isteri

YBhg. Puan Sri Datin Seri Panglima Melinda Mak Soak Fong ke majlis ini. Tidak lupa juga kepada semua yang hadir dan terlibat menjayakan konvensyen ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.